



BINA PURI HOLDINGS BHD

Since 1975

PRESS RELEASE

Berita Harian
2010/09/08

IIB majukan projek gaya hidup baru

Medan niaga 4 juta meter persegi dibina di Iskandar Malaysia

ISKANDAR Investment Bhd (IIB) akan memajukan projek pembangunan gaya hidup baru dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM1 bilion di Medini Utara di Iskandar Malaysia akhir tahun ini.

Presiden dan Ketua Eksekutifnya, Arlida Ariff berkata, projek yang merangkumi medan perniagaan seluas sehingga empat juta meter persegi itu akan membabitkan pembinaan gedung membeli belah, bangunan pejabat dan dua hotel yang mana satu daripadanya akan bertemakan LEGOLAND.

“Pembangunan projek itu akan dijalankan secara kerjasama dengan syarikat yang berminat.

“Kami sedang berunding dengan beberapa syarikat tempatan dan asing dengan perkembangan perbincangannya kini dalam pelbagai peringkat,” katanya selepas majlis pemeteraian perjanjian antara Medini Land Sdn Bhd, unit IIB, dengan Bina Puri Holdings Bhd untuk menubuhkan syarikat kerjasama membangunkan medan perniagaan seluas 1.05 juta meter persegi bagi menempatkan Medini Square, di Medini Utara, Iskandar Malaysia, Johor.

Perjanjian itu dimeterai Pengurus Bina Puri, Datuk Ir Wong Foon Meng dan Arlida. Ia disaksikan Pengarah dan Ahli Lembaga Pengarah IIB, Datuk Ghazali Mohd Ali; dan Pengarah Urusan Kumpulan Bina Puri, Senator Tan Sri Tee Hock Seng.

Medini Square, pusat beli belah pertama di perbandaran Medini dalam koridor pembangunan wilayah selatan itu akan memiliki GDV kira-kira RM500 juta.

Arlida berkata, sebagai antara entiti pertama yang membuat pelaburan terawal di Iskandar Malaysia, syarikat kerjasama dengan 80 peratus sahamnya dimiliki Bina Puri itu, akan menjadi antara kumpulan pemaju pertama yang akan menikmati insentif fiskal dan bukan fiskal termasuk pengecualian cukai selama 10 tahun.

“Medini Square akan dibangunkan dalam dua fasa merangkumi kawasan peruncitan, kedai pejabat, unit pejabat berkonsepkan small-office-home-office (SoHo) dan menara pejabat,” katanya.

Arlida yang juga Pengarah Medini Land, berkata kerjasama antara IIB dengan Bina Puri itu

akan meningkatkan pelaburan domestik di wilayah berkenaan.

“Pembangunan Medini Square akan melengkapkan destinasi daya penarik lain di Utara Medini termasuk LEGOLAND Malaysia, taman tema LEGOLAND pertama di Asia selain sebuah pasar raya runcit berkeluasan sejuta meter persegi yang akan memenuhi permintaan penduduk tempatan dan pelancong asing.

“Medini Square juga dibangunkan di lokasi strategik iaitu berdekatan Kota Iskandar iaitu pusat pentadbiran kerajaan negeri Johor serta berdekatan dengan 1 Medini, projek pembangunan bercampur antarabangsa pertama di Medini,” katanya

For further enquiries, please contact :

Cik. Surati Sujor
Corp Communications Dept
BINA PURI HOLDINGS BHD
Tel : 03-6136 3333 (3005)
Fax : 03-6136 9999
E-mail : surati@binapuri.com.my